

## **MRS Klang Tingkatkan Kecekapan Pengurusan Rekod Melalui Pemantauan Tahun 2024**

**KLANG, 23 Julai 2024** – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) melalui Seksyen Rekod telah melaksanakan Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Klang. Program ini bertujuan memastikan pengurusan rekod di mahkamah sentiasa kemas, teratur, dan mematuhi piawaian Arkib Negara Malaysia.

Lawatan yang diketuai oleh En. Sofian bin Ibrahim (Pegawai Rekod Jabatan) bersama Puan Nuraziraakmar binti Othman (Pembantu Tadbir Rekod Jabatan) ini turut melibatkan pegawai dan kakitangan MRS Klang. Pemantauan merangkumi empat aspek utama iaitu rekod fail urusan am dan fungsian, rekod untuk penjilidan, bilik rekod, serta pelupusan rekod.

Antara penemuan utama ialah penggunaan penuh Kod Klasifikasi Fail JKSM, pengemaskinian kertas minit, dan susunan fail mengikut panduan.

Bagi tujuan penjilidan, sebanyak **270 folder kes Mal** (1993–2009) dan **8 folder kes Jenayah** (2006–2008) telah diasingkan dan dimasukkan ke dalam folder 2D putih berukuran 50mm dan 65mm. Jumlah keseluruhan helaian bagi kes Mal adalah **80,976 helai**, manakala kes Jenayah tahun 2006-2008 sebanyak **8 folder** dan **2,780 helai**. Semua folder dilabel dan disusun kemas di rak mengikut format yang ditetapkan.

Dalam aspek pelupusan, sebanyak **25 fail urusan am** telah siap untuk dihantar ke Arkib Negara Malaysia, manakala fail urusan fungsian dan kewangan masih dalam proses semakan. Satu insiden kebocoran pada siling bilik pelupusan telah menyebabkan kerosakan rak kayu dan karpet, namun tindakan segera memindahkan fail telah dilaksanakan selaras dengan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR).

**Cadangan Penambahbaikan** turut dikemukakan, antaranya:

1. Menyediakan senarai isi kandungan pada kulit depan folder untuk penjilidan mengikut format yang ditetapkan. Dokumen disusun berdasarkan tahun pendaftaran kes dan turutan abjad Plaintiff bagi memudahkan carian serta menjimatkan ruang penyimpanan.
2. Mengubah kaedah penyimpanan fail dalam kotak dengan meletakkan tulang fail di bahagian bawah, selaras dengan spesifikasi Arkib Negara Malaysia, bagi mengelakkan fail mudah koyak atau rosak.

Ketua Pendaftar JAKESS, Puan Nenny Shuhaidah binti Shamsuddin, mengulas bahawa pemantauan ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan rekod di MRS Klang. Beliau turut menegaskan bahawa pelaksanaan cadangan penambahbaikan akan membantu memastikan keselamatan, integriti, dan kelestarian rekod jabatan.



